

D959

R B526 AAB

MAHATHIR - DATARAN (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 11.30 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 31 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGAJAK SEMUA RAKYAT SUPAYA BERAZAM UNTUK MENGAMALKAN NILAI-NILAI BAIK AGAR NEGARA MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH CEMERLANG PADA TAHUN 1990 DAN DEKAD 1990-AN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA MEMPUNYAI POTENSI YANG LEBIH BAIK DARIPADA NEGARA-NEGARA LAIN UNTUK MENCAPAI TAHAP PEMBANGUNAN YANG LEBIH TINGGI.

+KEMAJUAN SESUATU BANGSA BANYAK BERGANTUNG KEPADA NILAI-NILAI YANG DIAMALKAN OLEH BANGSA ITU, TERUTAMANYA BUDAYA KERJANYA,+ KATANYA SEMASA MELANCARKAN SERENTAK DATARAN ITU, TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990 DAN SAMBUTAN TAHUN BARU 1990, DI DATARAN MERDEKA, DI SINI MALAM INI.

UPACARA GEMILANG DAN BERWARNA-WARNI YANG DIHADIRI OLEH BERIBU-RIBU RAKYAT ITU, DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH TELEVISYEN MALAYSIA DAN TV3.

+KITA SEMUA TAHU NILAI YANG BAIK BAGI KITA, TETAPI ANTARA KEFAHAMAN INI DENGAN AMALANNYA TERDAPAT JARAK YANG AGAK JAUH. SEKIRANYA KITA DAPAT MENGURANGKAN JARAK INI, KITA AKAN MENDAPAT KEBAHAGIAAN,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI
1921MST 31 12 89

D960

R B527 AAB

MAHATHIR - DATARAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KEPADA KALANGAN USAHAWAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU SUPAYA MEREKA BERANI MENEROKAI PASARAN BARU DAN JANGAN TERLALU BERGANTUNG KEPADA PERLINDUNGAN KERAJAAN ATAU KEPADA PARA PENIAGA NEGARA JIRAN.

KATANYA, PARA PENIAGA MESTILAH SANGGUP MELIBATKAN DIRI DALAM BEBERAPA BIDANG PENTING DALAM PROSES PERINDUSTRIAN NEGARA.

SAMBIL MENGGESA PEKERJA DAN MAJIKAN MENGELAKKAN KONFRANTASI, SEBALIKNYA BERSEPAKAT DEMI KEPENTINGAN BERSAMA, PERDANA MENTERI MENINGATKAN, BAHAWA +JANGANLAH KITA DIJADIKAN ALAT OLEH ORANG YANG DAHULU MENJAJAH DAN SEKARANG INI BERSAING DENGAN KITA. PENJAJAHAN AKAL FIKIRAN YANG DIUSAHAKAN MELALUI IDEOLOGI ASING HENDAKLAH DIHAPUSKAN+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MESKIPUN BANYAK KEJAYAAN YANG DICAPAI PADA TAHUN 1989 TETAPI RAKYAT TIDAK BOLEH LEKA, KERANA MASIH BANYAK KERJA DAN TINDAKAN YANG PERLU DIBUAT UNTUK MEMAJUKAN LAGI MALAYSIA.

+MULAI SEKARANG KUALA LUMPUR AKAN DIPANGGIL DENGAN NAMA KUALA LUMPUR -- BANDARAYA TAMAN BERCAHAYA ATAU KUALA LUMPUR -- GARDEN CITY OF LIGHTS,+ KATANYA. -- LAGI
1925MST 31 12 89

D963

R B528 AAB
MAHATHIR - DATARAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH MENGENAI KEADAAN POLITIK DALAM NEGARA YANG LEBIH STABIL DENGAN MENEGASKAN BAHAWA ANCAMAN TERHADAP KESTABILAN NEGARA KERANA PERPECAHAN SUDAH DIATASI.

+TIADA LAGI TERDAPAT KETEGANGAN SEPERTI PADA BULAN OKTOBER-NOVEMBER TAHUN 1987,+ KATANYA MERUJUK KEPADA KETEGANGAN KETIKA ITU SEHINGGA KERAJAAN TERPAKSA MELANCARKAN +OPERASI LALANG+, YANG MENGAKIBATKAN 106 ORANG DITAHAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA).

PELABURAN DALAM NEGARA JUGA TELAH MENINGKAT SEHINGGA MEMBERI BANYAK NIKMAT KEPADA RAKYAT, DARIPADA SEGI PEGURANGAN PENGANGGURAN SERTA MEMBOLEHKAN PENIAGA MENIKMATI PERNIAGAAN YANG LEBIH LARIS, KATANYA.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN JUGA BERJAYA MENJIMATKAN PERBELANJAAN MELALUI PENGURUSAN KEWANGAN YANG CEKAP DAN PENSWASTAAN.

MENGENAI POLITIK ANTARABANGSA, PULA PERDANA MENTERI BERKATA, IA BERTAMBAH BAIK EKORAN BEBERAPA NEGARA KOMUNIS MENOLAK IDEOLOGI YANG ANTI AGAMA DAN SEMPIIT ITU, SERTA KESEDIAAN KUASA-KUASA BESAR MENGURANGKAN ANCAMAN PERANG NUKLEAR. -- LAGI
1933MST 31 12 89

D965

R B529 AAB
MAHATHIR - DATARAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, PENCAPAIAN MENAMATKAN ANCAMAN GERAKAN BERSENJATA KOMUNIS PADA TAHUN INI DENGAN PERLETAKAN SENJATA OLEH PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM), YANG DIHARAMKAN, SETELAH CUBA MENJATUHKAN KERAJAAN SECARA KEKERASAN SELAMA 41 TAHUN SUDAH CUKUP UNTUK MENJADIKAN TAHUN 1989, TAHUN YANG BERSEJARAH.

+KITA TIDAK AKAN LUPA PENGORBANAN MEREKA YANG AKHIRNYA MENGHASILKAN KEMENANGAN,+ KATANYA MERUJUK KEPADA PERLETAKAN SENJATA PKM.

+NAMUN DEMIKIAN, KITA PERLU BERHATI-HATI KERANA DALAM DUNIA INI, KEKUATAN MASIH MENENTUKAN KEADILAN ATAU MIGHT IS STILL RIGHT,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, JUGA MAHUKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI SUPAYA MEMBUKTIKAN SECARA JELAS BAHAWA ISLAM ADALAH AGAMA YANG ADIL, BERTOLAK ANSUR DAN MEMBAWA KEJAYAAN KEPADA PENGANUTNYA, SUPAYA MEREKA DIHORMATI OLEH ORANG LAIN.

+KERAJAAN TIDAK AKAN MENGGUNAKAN PAKSAAN, WALAU APA PUN BENTUK UGUTAN DARIPADA MEREKA YANG SUKA MENYOAL KE-ISLAMAN KERAJAAN INI,+ KATANYA. -- LAGI
1936MST 31 12 89

D966

R B530 AAB
MAHATHIR - DATARAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KEPADA BUKAN ISLAM PULA, PERDANA MENTERI BERKATA, MEREKA MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB KEPADA DIRI SENDIRI DAN KEPADA PENGANUT AGAMA LAIN TERMASUKLAH PENGANUT ISLAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN MEREKA BAHAWA KEBEBASAN BERAGAMA DI MALAYSIA ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA KEBEBASAN YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA MAJU KERANA DI NEGARA LAIN TIDAK TERDAPAT RUMAH-RUMAH IBADAT PELBAGAI AGAMA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN KESEDIHANNYA TERHADAP BEBERAPA TRAJEDI PADA TAHUN 1989 YANG MENGAKIBATKAN KEHILANGAN NYAWA. ANTARANYA IALAH NAHAS KAPAL TERBANG POLIS DIRAJA MALAYSIA, KEBAKARAN ASRAMA SEKOLAH AGAMA DI KEDAH DAN KEMALANGAN DUA HELIKOPTER NURI TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PASUKAN KESELAMATAN KERANA SANGGUP BERKORBAN NYAWA UNTUK MENJAMIN KEAMANAN RAKYAT.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA. -- BERNAMA
1938MST 31 12 89

0054